



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI JUN 2026

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan ataupun Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi Jun 2026. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik bulanan yang melibatkan kira-kira 500 perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar dari 11 sektor ekonomi di seluruh negara.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen/keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam yang merangkumi pelbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu penunjuk awal keadaan makroekonomi negara.
3. Sejak pelancarannya pada Ogos 2020, BDCB telah menyemak metodologi BSI bagi meningkatkan keteguhan, konsistensi dan nilai analisis indeks. Walaupun skala BSI adalah 0 hingga 100 di bawah metodologi sebelumnya, formula pengiraan yang digunakan hanya menghasilkan nilai indeks antara 49.0 dan 51.0. Di samping itu, daripada menetapkan tahap 50.0 sebagai neutral, nilai antara 45.0 hingga 55.0 kini ditakrifkan sebagai neutral. Perubahan ini seterusnya meningkatkan sensitiviti indeks, sekali gus membolehkan tafsiran yang lebih jelas dan tepat terhadap pergerakan indeks.
4. Pengemaskinian ini tidak menjejaskan penilaian ekonomi bagi hasil terdahulu, memandangkan sentimen asas yang diukur oleh indeks tersebut kekal tidak berubah. Bagi memastikan konsistensi dan kebolehbandingan, data BSI terdahulu telah dikira semula menggunakan metodologi baharu dan diterbitkan dalam Buletin Statistik yang terdapat di laman sesawang BDCB.

5. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 55	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya.
45 – 55	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya.
Bawah 45	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya.

6. Indeks utama BSI, iaitu **Sub-indeks Keadaan Perniagaan**, berada pada tahap 46.3 pada Jun 2026 yang menunjukkan bahawa keadaan perniagaan secara keseluruhannya dijangka kekal seperti bulan

sebelumnya. Walaupun kebanyakan perniagaan melaporkan keadaan operasi yang stabil, beberapa perniagaan berpandangan optimistik, disokong oleh peningkatan aktiviti projek, kontrak baharu, prestasi jualan yang bertambah baik, serta operasi yang kembali berjalan seperti biasa berikutan kelembapan aktiviti dan gangguan bekalan sebelum ini. Sebaliknya, perniagaan yang melaporkan sentimen pesimistik mengaitkannya dengan musim cuti persekolahan, yang menyumbang kepada pengurangan perbelanjaan domestik berikutan peningkatan perjalanan ke luar negara. Faktor lain yang turut dinyatakan termasuk aktiviti pasaran yang sederhana, sikap pengguna yang lebih berhemat dalam berbelanja, serta tekanan persaingan dan kos yang berterusan. Bagi sub-indeks satu bulan ke hadapan, sub-indeks keadaan perniagaan meningkat kepada 62.7, menunjukkan bahawa perniagaan secara umumnya menjangkakan keadaan akan bertambah baik pada Julai 2026. Prospek positif ini disokong oleh jangkaan peningkatan permintaan sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-80 tahun serta acara-acara berkaitan yang dijangka akan menggalakkan peningkatan perbelanjaan domestik. Selain itu, perniagaan turut menjangkakan projek baharu dan yang sedang berjalan, di samping penyambungan semula operasi sepenuhnya selepas kerja-kerja penyelenggaraan, untuk terus menyokong prestasi perniagaan.

7. **Sub-indeks Pelaburan** kekal menunjukkan sentimen optimistik, dengan tahap 71.3 bagi indeks semasa, 77.5 bagi satu bulan ke hadapan, dan 79.1 bagi tiga bulan ke hadapan. Prospek positif ini mencerminkan rancangan pelaburan yang berterusan, terutamanya bagi pengisian semula inventori, pembelian mesin dan peralatan, kerja-kerja pengubahsuaian serta pengembangan perniagaan, selain perbelanjaan modal yang berkaitan dengan projek. Beberapa perniagaan juga merancang untuk melabur dalam pembelian kenderaan baharu, penaiktarafan teknologi, serta pembangunan tenaga kerja bagi menyokong pertumbuhan perniagaan pada masa hadapan.
8. **Sub-indeks Pekerjaan** mencatatkan tahap 49.2 bagi bulan semasa dan 48.7 bagi bulan akan datang, menunjukkan sentimen yang stabil. Kebanyakan perniagaan melaporkan bahawa jumlah tenaga kerja sedia ada adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan operasi semasa, dengan aktiviti pengambilan pekerja tertumpu terutamanya kepada penggantian pekerja yang telah meletak jawatan, bersara, atau menamatkan kontrak. Walaupun terdapat perniagaan yang berhasrat untuk mengambil pekerja baharu, beberapa kekosongan jawatan masih belum dapat diisi berikutan proses pengambilan yang masih berjalan serta kesukaran mendapatkan calon yang bersesuaian, sekaligus menyumbang kepada prospek pekerjaan yang secara keseluruhannya kekal neutral.
9. **Sub-indeks Kos Perniagaan** berada pada tahap 35.8 bagi bulan semasa, yang menunjukkan bahawa perniagaan secara umumnya menjangkakan kos operasi perniagaan pada Jun 2026 adalah lebih rendah berbanding bulan sebelumnya. Penurunan kos ini sebahagian besarnya didorong oleh aktiviti perniagaan yang perlahan, penyelesaian kerja-kerja penyelenggaraan, perbelanjaan berkaitan projek yang ditanggung pada bulan-bulan sebelumnya, serta usaha berterusan untuk mengoptimumkan kos operasi. Bagi tempoh satu bulan akan datang, sub-indeks kos perniagaan meningkat kepada 55.7, menunjukkan bahawa perniagaan menjangkakan kos operasi akan meningkat sedikit pada Julai 2026. Jangkaan ini didorong oleh peningkatan aktiviti projek serta tekanan kos yang berterusan disebabkan kenaikan harga bahan mentah, caj penghantaran, dan kos logistik.

BSI Jun 2026	
Keadaan Perniagaan	46.3
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	62.7
Pelaburan	71.3
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	77.5
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	79.1
Pengambilan Pekerja	49.2
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	48.7
Kos Perniagaan	35.8
Kos Satu Bulan ke Hadapan	55.7

10. Dari segi **sektor ekonomi**:

	Sektor	Indeks	Disebabkan oleh
Sentimen Optimistik	Pengangkutan & Komunikasi	60.2	Projek-projek kerajaan yang sedang berjalan, di samping penyertaan dalam Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan.
	Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Penternakan	55.9	Aktiviti penanaman dan penuaian menyokong permintaan terhadap produk pertanian dan baja. Perniagaan juga menjangka peningkatan pengeluaran serta pengembangan ke rangkaian pengedaran baharu.
	Kewangan & Insurans	55.1	Peningkatan sumbangan takaful serta permintaan yang lebih tinggi terhadap produk insurans yang baru diperkenalkan.
Tiada Perubahan	Pembinaan	52.9	Projek-projek yang sedang berjalan dan penerimaan bayaran daripada pelanggan menyokong aktiviti perniagaan, walaupun peluang projek baharu yang terhad sedikit sebanyak menjejaskan sentimen perniagaan secara keseluruhan.
	Pembuatan	52.1	Peningkatan jualan yang didorong oleh permintaan bermusim, kerja berasaskan kontrak, dan ketibaan inventori baharu menyokong sebahagian perniagaan, manakala segelintir perniagaan masih berhadapan dengan permintaan yang sederhana dan keadaan pasaran yang lemah.

	Kesihatan & Pendidikan	51.2	Kebanyakan perniagaan melaporkan keadaan perniagaan yang stabil.
	Hartanah & Pemilikan Kediaman	50.1	Kebanyakan perniagaan melaporkan aktiviti pasaran yang kekal stabil.
	Perkhidmatan Swasta Lain	49.3	Walaupun projek yang sedang berjalan terus menyokong aktiviti bagi sesetengah perniagaan, tekanan kos yang berterusan, serta kelewatan dalam penawaran projek dan penerimaan pesanan pembelian menjejaskan sentimen perniagaan.
Sentimen Pesimistik	Minyak & Gas dan Yang Berkaitan	44.0	Margin produk yang lebih rendah dalam kalangan perniagaan hiran serta pengurangan aktiviti operasi semasa tempoh penyelenggaraan berjadual menjejaskan prestasi perniagaan.
	Perdagangan Borong & Runcit	42.4	Permintaan pengguna yang lemah dan penurunan jumlah jualan sepanjang musim cuti persekolahan menjejaskan perniagaan.
	Hotel & Restoran	38.6	Prestasi perniagaan terjejas disebabkan persaingan daripada Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan serta pesta makanan yang lain, di samping permintaan domestik yang lebih rendah semasa musim cuti persekolahan, dan keadaan cuaca yang kurang baik.

11. Dari segi saiz perniagaan:

	Saiz	Indeks	Disebabkan oleh
Sentimen Optimistik	Sederhana	62.3	Peningkatan aktiviti projek dan kemajuan pelaksanaan projek yang sedang berjalan menyokong prestasi perniagaan yang lebih kukuh.
Tiada Perubahan	Mikro	54.3	Kebanyakan perniagaan melaporkan keadaan perniagaan yang kekal stabil.
	Besar	45.8	Projek yang sedang berjalan, promosi produk, dan penyertaan dalam pelbagai acara menyokong aktiviti perniagaan bagi sesetengah sektor, manakala tekanan

			kos yang berterusan serta musim cuti persekolahan menjejaskan sektor-sektor lain.
	Kecil	45.4	Walaupun projek dan perolehan kontrak baharu menyokong aktiviti bagi sesetengah perniagaan, perniagaan yang lain mengalami pengurangan aktiviti berikutan permintaan yang lemah semasa musim cuti persekolahan.


12. Carta BSI dan sub-indeks sejak Ogos 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank


Tarikh: 22 Safar 1448H / 6 Ogos 2026M

Ruj: BDCB/COMMS/3

LAMPIRAN 1




Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 55 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks di antara 45 dan 55 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 45 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.




Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.

Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 55 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks di antara 45 dan 55 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 45 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 55 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks di antara 45 dan 55 menunjukkan lebih kurang sama / tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 45 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 55 menunjukkan peningkatan kos.

Indeks di antara 45 dan 55 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 45 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Jun 2026



Nota: Indeks yang melebihi 55 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks di antara 45 dan 55 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 45 menunjukkan keadaan yang merosot /sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 55 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks di antara 45 dan 55 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 45 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.